

KEBIMBANGAN ORANG² CINA ‘TIDAK BERASAS’

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak sebagai “tidak berasas” kebimbangan orang-orang Cina terhadap “kuasa Melayu” berikutan dengan kecilnya perwakilan MCA di dalam Parlimen sekarang.

“UMNO telah mencatatkan sejarah gemilang tentang orang-orang Melayu tidak pernah menyalahgunakan kuasa mereka,” tegasnya.

Sebaliknya, kata beliau, yang patut bimbang ialah orang-orang Melayu sendiri kerana adanya kecenderungan orang-orang Cina berkumpul dan bersatu untuk mencabar fahaman berbilang kaum (multi racialisme).

Di dalam satu pertemuan dengan Mingguan Malaysia hari ini, Perdana Menteri telah memberitahu tentang ada-

Oleh Zainuddin Maidin

nya golongan chauvinist Cina yang sekarang sedang menimbulkan ketakutan di kalangan bukan Melayu dengan menggambarkan Melayu sebagai “Jin”.

Beliau kemudiannya menarik perhatian masyarakat Cina kepada sejarah UMNO yang mencatatkan kerjasama yang tidak putus-putusnya dengan kaum-kaum lain di negara ini.

Olehnya ditegaskan bahawa sekiranya UMNO hendak menubuhkan kerajaan Melayu memang UMNO boleh berbuat demikian, tetapi UMNO mengutamakan kerjasama antara kaum.

Beliau kemudiannya mengingatkan masyarakat Cina di negara ini bahawa telah berulang kali ketakutan ditimbulkan oleh golongan tertentu di dalam masyarakat Cina mengatakan orang-orang Melayu akan menyalahgunakan kuasa.

Tetapi, katanya “UMNO adalah mempunyai rekod sejarah yang baik. UMNO telah membuktikan dari masa ke masa kesanggupannya untuk bekerjasama dengan kaum-kaum lain di negara ini.”

Olehnya ditegaskan bahawa sekiranya UMNO hendakkan kuasa Melayu, UMNO memang boleh berbuat demikian. UMNO boleh bersatu dengan PAS dan menubuhkan kuasa Melayu. Singapura tidak boleh mencabar dan kita pasti boleh mendapat lebih 50% kerusi di dalam Parlimen.

Malah, katanya lagi, UMNO akan menjadi popular dengan tidak berkawan dengan orang-orang Cina dan dengan itu makin ramai orang Melayu boleh menang di dalam pilihanraya.

“Tetapi kita tidak berbuat demikian sebaliknya kita hanya meletakkan 84 calon sahaja di dalam pilihanraya Parlimen iaitu tidak sampai setengah dari jumlah kerusi Parlimen,” ujarnya.

Beliau menambah “sekiranya kita mahukan kepada kuasa Melayu, kita akan meletakkan 99 calon.”

Beliau juga menunjukkan bahawa yang banyak bercakap mengenai keagungan orang-orang Cina ialah DAP dan UMNO tidak bercakap mengenai keagungan Melayu.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya menyebutkan bahawa apabila “kita bersetuju untuk memberikan kerakyatan kepada orang-orang Cina di dalam tahun 1955, kita tidak pernah cuba merebut kembali kuasa yang diberikan kepada orang-orang Cina.

Mengenai peristiwa 13 Mei 1969, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata ini bukanlah diakibatkan oleh kerana orang - orang Melayu gila kuasa atau UMNO tidak mahu bekerjasama dengan orang-orang Cina tetapi adalah oleh kerana parti-parti lawan telah memainkan sentimen perkauman.

Perdana Menteri juga menunjukkan pembahagian kerusi kabinet kepada MCA dan Gerakan yang mewakili kaum Cina tidak dikurangkan walaupun jumlah kemenangan mereka adalah berkurangan dari nisbah kerusi yang mereka tandangi.

Anggota Parlimen UMNO sekarang ialah 83 dibandingkan dengan MCA seramai 17 dan gerakan 5, tetapi kedudukan anggota MCA dan Gerakan di dalam kabinet berjumlah 13 orang iaitu termasuk Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Oleh Datuk Sri Dr. Mahathir ditegaskan bahawa kalau diasaskan kepada nisbah kemenangan, maka kerusi UMNO di dalam kabinet sepatutnya ditambah tetapi kita tidak berbuat demikian.

Demikian juga dengan kedudukan Ketua Menteri Pulau Pinang, UMNO tidak tunduk kepada kehendak - kehendak supaya jawatan itu dipegang oleh orang Melayu, tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudiannya bertanya dengan rekod sejarah yang demikian, maka apakah yang harus dibimbangkan oleh orang - orang Cina?

"Yang patut bimbang ialah orang-orang Melayu kerana pilihanraya yang lalu menunjukkan orang-

Mahathir sebut pilihanraya 'sudah dekat'

hati rak beri, malangnya keupayaan tidak ada. Itu masalah kita."

Dr. Mahathir lalu menyebut kerajaan mendapat tanggungjawab menerusi pilihanraya dan pilihanraya menubuhkan kerajaan sebenarnya dan untuk mendapatkan kuasa itu kerajaan terpaksa menempuh temuduga lima tahun sekali.

"Tidak lama lagi genap lima tahun untuk kita menempuh temuduga yang menentukan sama ada kita akan terus berkhidmat atau tidak. Jika rakyat berpendapat kita tidak menunaikan janji, kemungkinan kita tidak dapat meneruskan jawatan dan orang lain akan mengambil alih."

Beliau berkata pada akhirnya beliau tidak suka membuat janji atau jaminan yang kadangkala mustahil baginya ingat apa

yang dijanjikan memandangkan sejak memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, kira-kira 2,000 hingga 3,000 ucapan yang telah diberikan.

Itulah sebabnya, jelas beliau, biasanya beliau tidak berapa suka bercakap tanpa memakai teks yang dianggap "merbahaya dan tidak mempunyai batasan" oleh sebab ia mungkin disalahanggap sebagai satu keputusan dan dasar dan jika lupa hendak melaksanakan janji-janji itu, yang mendengarnya akan bertanya bila hendak dilaksanakan.

"Tetapi hari ini oleh kerana saya terpaksa juga menjawab rintihan saudara-saudara saya telah memberitahu penulis ucapan saya, tidak perlu menyediakan teks."

Dalam ucapannya, beliau meminta rakyat Malaysia supaya memeriksa dahulu jika was - was,

syak-wasangka terhadap sesiapa dan jangan membuat tuduhan melulu.

Sebagai contoh, beliau menyebut tentang satu cara baru untuk menggagalkan sesuatu usaha dengan mengata-ngata tidak perlu mengikut seruan pemimpin supaya jangan rasuah sedangkan dia itulah yang dahsyat sekali rasuahnya."

Beliau juga berkata jika

seorang sekulipun menyuruh seseorang itu sembahyang, nasihat itu perlu dipatuhi tetapi seorang yang baik menyuruh mencuri, arahan itu tidak sepatut diikuti.

Moral nasihatnya itu ialah: "Buat apa yang saya buat, tetapi jangan ikut apa yang saya tidak buat," selorohnya dengan tepukan gemuruh semua yang hadir.

MM 12 JAN 1986

Kebimbangan orang2 Cina terhadap

MM 31 AUG 1986

orang Cina berkumpul untuk mencabar dasar multi racialisme yang disokong oleh UMNO.”

Secara tegas Datuk Sri Dr. Mahathir berkata DAP telah menolak dasar multi racialisme sebaliknya DAP merupakan parti Cina.

“Hanya Barisan Nasional yang mengamalkan serta mempunyai imej berbilang kaum,” katanya sambil menunjukkan bahawa hanya perhimpunan -

perhimpunan BN sahaja disertai oleh semua, tetapi kalau perhimpunan yang dianjurkan oleh DAP dan PAS hanya dihadiri oleh Cina atau Melayu sahaja.

“Sekiranya orang-orang Cina takut kepada PAS saya terima, tetapi ketakutan kepada UMNO adalah tidak berasas,” ujarnya.

Perdana Menteri kemudiannya mengingatkan orang-orang Cina terhadap dua taktik tipu helah yang

dijalankan oleh DAP sekarang iaitu:

- Memberikan gambaran bahawa negara kita tidak stabil walaupun BN telah mencapai kemenangan cemerlang dan dengan itu menakutkan pelabur-

pelabur asing supaya tidak ada pemulihan ekonomi.

- Meniupkan api kebencian orang-orang Cina terhadap Melayu dan dengan itu menyebabkan timbulnya pula perasaan Melayu benci Cina.

“DAP berharap untuk menanggung di air keruh dalam keadaan ini,” tegasnya.

Ketika ditanya adakah MCA mempunyai harapan untuk menebus kembali kekalahannya di tangan

DARI MUKA 1

'kuasa Melayu' tidak berasas – PM

DAP memandangkan DAP mempunyai disiplin parti yang kuat? Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan keyakinannya bahawa MCA akan dapat memulihkan kekuatannya dengan syarat ia mengatasi

masalah kepimpinan dengan mengeneipkan kepentingan diri atau cita-cita seseorang.

“MCA akan dapat menebus kekalahannya kalau ia dapat membetulkan dirinya.”

Adakah ini bererti bahawa orang-orang Cina boleh kembali kepada MCA?

Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab kemenangan DAP di Pulau Pinang tidak akan kekal.

Pilihanraya 1969 men-

jadi bukti yang jelas di mana orang-orang Cina tidak mengundi Perikatan. Selain dari itu berbagai fitnah dilemparkan terhadap kuasa Melayu, orang-orang Cina ditakutkan dengan sifat-sifat orang-

orang Melayu, tetapi di dalam tahun 1974 orang-orang Cina kembali kepada perhitungan yang wajar dan memberikan kemenangan yang besar kepada Barisan Nasional, katanya.